



**PEJABAT KETUA PENDAFTAR**  
*Office of the Chief Registrar*  
**MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA**  
*Federal Court of Malaysia*  
**ISTANA KEHAKIMAN**  
**PRESINT 3**  
**62506 PUTRAJAYA**

Telefon : 03-8880 3500

Faks : 03-8880 3886

Laman Web : <http://www.kehakiman.gov.my>

Ruj. Tuan :  
Your Ref :

**JK/MP 38 Jld 6**

Ruj. Kami :  
Our Ref :

Tarikh :  
Date :

**30 Januari 2013**

**Pengarah Mahkamah Negeri  
Seluruh Malaysia**

YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**PROSES MEDIASI BAGI KES-KES KEMALANGAN JALANRAYA DI  
MAHKAMAH MAJISTRET DAN DI MAHKAMAH SESYEN YANG DIRUJUK DI  
DALAM ARAHAN AMALAN KETUA PENDAFTAR BIL 2 TAHUN 2013**

Perkara di atas adalah dirujuk.

2. Saya ingin menarik perhatian YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan kepada perenggan 9 Arahan Amalan tersebut yang menyatakan;

*"Arahan ini terpakai kepada semua Mahkamah Sesyen dan Mahkamah Majistret. Bagi mahkamah yang mempunyai seorang hakim/majistret sahaja, Pengarah Mahkamah Negeri bolehlah dari semasa ke semasa mengarahkan mana-mana pegawai kehakiman lain sebagai Pegawai Mediasi Mahkamah untuk melaksanakan proses mediasi pada hari dan masa tertentu yang difikirkan sesuai".*

Dalam melaksanakan arahan tersebut, Pengarah Mahkamah Negeri hendaklah membuat perancangan yang teliti bagi memastikan jadual pendengaran kes yang telah ditetapkan untuk mediasi dan kes bicara bagi semua hakim atau majistret di bawah seliaan.

3. Bagi Mahkamah yang mana pegawainya bersidang secara bersendirian, Pengarah Mahkamah Negeri bolehlah mengarahkan supaya disusun jadual dengan menetapkan hari tertentu bagi pendengaran kes mediasi dan bolehlah

melantik Pegawai Mediasi di kalangan Timbalan Pendaftar atau Penolong Kanan Pendaftar yang bertugas di Mahkamah Tinggi di negeri masing-masing. YBhg Dato/Datin/Tuan/Puan hendaklah mengadakan perbincangan dengan pihak Mahkamah Tinggi dan juga memaklumkan kepada Hakim Pengurus masing-masing atas apa-apa perancangan yang dipersetujui.

4. Selain dari itu, Pengarah Mahkamah Negeri juga boleh mengarahkan supaya ditetapkan satu tarikh pendengaran kes mediasi yang sama di dua Mahkamah yang berbeza di mana kedua-dua Hakim/Majistret dari kedua-dua Mahkamah tersebut bolehlah pada hari yang telah ditetapkan tersebut bertukar tempat untuk menjalankan proses mediasi. Sebagai contohnya, Pengarah Mahkamah Negeri Kelantan boleh menetapkan hari Rabu sebagai hari pendengaran mediasi untuk Mahkamah Majistret Kuala Krai dan Mahkamah Majistret Pasir Mas. Pada hari tersebut, Majistret Kuala Krai akan bersidang sebagai Pegawai Meidasi di Mahkamah Majistret Pasir Mas dan Majistret Pasir Mas akan bersidang sebagai Pegawai Meidasi di Mahkamah Majistret Kuala Krai.

5. Penyusunan jadual, penetapan tarikh dan pelantikan Pegawai Mediasi bagi proses mediasi tersebut perlu dirancang dengan teliti bagi mengelakkan pegawai yang sama menjadi Pegawai Mediasi dan kemudiannya membicarakan kes tersebut jika mediasi tidak berjaya.

6. YBhg Dato'/Datin/Tuan/Puan juga hendaklah memaklumkan kepada Pejabat Pendaftar Mahkamah Tinggi Malaya mengenai perancangan yang telah dipersetujui di negeri masing-masing.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,

(AZIZAH BINTI MAHAMUD)  
Timbalan Ketua Pendaftar  
(Menjalankan tugas-tugas Ketua Pendaftar)  
Mahkamah Persekutuan Malaysia

30.1.2013

s.k    **YAA Ketua Hakim Negara**

Istana Kehakiman

PUTRAJAYA

**YAA Hakim Besar Malaya**

Istana Kehakiman

PUTRAJAYA

**YAA Hakim Besar Sabah dan Sarawak**

Istana Kehakiman

PUTRAJAYA

**Ketua Pendaftar**

Mahkamah Persekutuan Malaysia

Istana Kehakiman

PUTRAJAYA

**Pendaftar**

Mahkamah Tinggi Malaya

Istana Kehakiman

PUTRAJAYA

**Pendaftar**

Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak

Mahkamah Tinggi Kuching

SARAWAK

**Ketua Bahagian**

Pentadbiran Kehakiman

Istana Kehakiman

PUTRAJAYA

**Semua Hakim Mahkamah Sesyen**

Semenanjung Malaysia/Sabah dan Sarawak

**Semua Majistret**

Semenanjung Malaysia/Sabah dan Sarawak

**Pustakawan**

Istana Kehakiman